



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/ 11 /2011

## Sokong pembentangan Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman

KUBANG PASU 23 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyokong pembentangan Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, rang undang-undang itu diharap berjaya mengawal perhimpunan supaya ia merupakan perhimpunan sebenar dan tidak terjadi sebarang keganasan atau perbuatan yang merugikan pihak lain.

"Kalau adakan perhimpunan di jalan raya ada orang yang menjalankan perniagaan di situ dan mereka yang jadi mangsa kerana tidak dapat berniaga kerana perhimpunan tersebut.

"Jadi saya fikir itulah tujuan mengapa rang undang-undang ini dibentangkan iaitu untuk mengelakkan krisis-krisis seperti ini berlaku," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembuatan peti ais -60 celsius antara Dairei Asia Sdn Bhd dan Zun Utara Industry Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman yang dibentangkan serentak dengan rang undang-undang lain iaitu Akta Kanun Ta-

tacara Jenayah (pindaan) 2010, Akta Keterangan (pindaan) 1950 serta Akta Polis (pindaan) 1967 di Dewan Rakyat semalam.

Antara kandungan penting dalam undang-undang yang dicadangkan itu ialah notis awal 30 hari perlu untuk berhimpun, kecuali mereka yang berada di kawasan yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri.

Menurut Mahathir, perhimpunan jalanan yang diadakan di negara ini membawa masalah kepada peniaga kecil yang pendapatan mereka hanya umpama kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang.

"Jadi sebab itu kena nak kena juga lindung hak-hak mereka (peniaga kecil), hak untuk buat demonstrasi kita bagi tapi hak orang lain kita kena jaga juga.

"Selain itu mereka yang ingin buat perhimpunan ditempat tertentu kita tidak ada masalah dengan itu cuma kita tidak mahu mereka menjadi ganas sahaja," ujarnya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai pakatan pembangkang di negara ini yang dikatakan ingin mengadakan Pilihan Raya Umum ke-13 secara berasingan, Mahathir berkata perkara tersebut ialah satu pembaziran wang negara.



DR. MAHATHIR Mohamad memasukkan tangan ke dalam -60 darjah Celcius Super Freezer selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembuatan peti ais -60 celsius antara Dairei Asia Sdn. Bhd. dan Zun Utara Industry Sdn. Bhd. di Jitra, semalam.